

Kabinet perlu bantu PM pastikan agenda MADANI capai sasaran

- Penilaian paling penting adalah daripada rakyat 'atas pagar', lebih rasional dan berkecuali serta tidak mempunyai sebarang kepentingan peribadi

- Berbaki kurang tiga tahun pentadbiran Kerajaan Perpaduan, tidak dinafikan masih banyak urusan perlu diselesaikan Anwar



Oleh Mohd Hassanah
Bolqiah Mohd Yusoff
bhrencana@bh.com.my

Hari ini, genap dua tahun pentadbiran Kerajaan Perpaduan diterajui Perdana Menteri Ke-10, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Dalam tempoh ini, pelbagai pandangan, kritikan dan pemarkahan diberikan kepada Kerajaan Perpaduan termasuk yang terbaru daripada Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH).

BERSIH bukan sahaja 'mengurniakan' gred D kepada pentadbiran Anwar, malah mengkritik Kerajaan Perpaduan yang dikatakan gagal melakukan reformasi secara menyeluruh, selain mencadangkan agar tempoh perkhidmatan Perdana Menteri dihadkan tidak melebihi 10 tahun.

Menyusul kenyataan daripada BERSIH, Anwar kemudian mengakui Kerajaan Perpaduan pada hari ini masih 'muda' dan bertekad untuk memberikan yang terbaik kepada rakyat serta negara dalam tempoh mendatang.

Jelasnya, gred D diperoleh Kerajaan Perpaduan masih boleh diperbaiki, sekali gus menjanjikan masa depan negara lebih terbilang.

Cakap-cakap mengenai prestasi Kerajaan Perpaduan atau Kerajaan MADANI bukan hanya ke-dengaran dewasa ini.

Sejak hari pertama Anwar di Putrajaya, ramai membuat penilaian sendiri, sama ada daripada 'ahli mesyuarat kedai kopi' sehingga 'pejabat besar di tengah Kuala Lumpur'.

Apa sahaja dilakukan Anwar membitkan dasar, langkah politik, waima makai songkok ketika lawatan rasmi luar negara habis semuanya mereka 'am-

bil pusing'.

Namun, itulah kehidupan seorang Perdana Menteri, apatah lagi sosok itu adalah Anwar, insan sudah sekian lama bercita-cita ingin menjadi orang nombor satu Putrajaya.

Apa sahaja perkataan keluar daripada mulut Anwar pasti ada pemerhati. Jika penyokong pastinya menyokong dan jika pembangkang jadi sebaliknya.

Pada pandangan penulis, penilaian paling penting adalah daripada rakyat 'atas pagar', lebih rasional dan berkecuali serta tidak mempunyai sebarang kepentingan peribadi.

Ketekunan Anwar dalam memperjuangkan isu keadilan sosial merangkumi aspek pendidikan, kemiskinan, pembangunan insan dan hak asasi manusia pastinya tidak dapat dinafikan.

Sejak menjadi ketua pembangkang lagi, Anwar sering membicarakan soal ini bukan sahaja di pentas Dewan Rakyat, malah hingga ke jalanan.

Sekarang, Anwar sudah menjadi Perdana Menteri dan apa lagi halangan yang ada untuk beliau melaksanakan agenda reformasi ini?

Walaupun ada pandangan Anwar dan pasukan Kabinetnya agak perlahan, sedikit pujian harus diberikan dalam soal ini.

Dua tahun pentadbiran Kerajaan Perpaduan, Anwar begitu ligat melaksanakan agenda meningkatkan taraf hidup rakyat.

Projek mega jutaan ringgit bukan menjadi keutamaan, namun usaha membantu ekonomi rakyat khusus mereka tergolong dalam kumpulan B40 berada dalam senarai utama Anwar.

Ketika bercakap di hadapan penjaja di Pulau Pinang pada awal November lalu bersempena Hari Penjaja dan Peniaga Kecil,

Peringkat Kebangsaan 2024, Anwar mengumumkan dana RM20 juta dengan peruntukan tambahan RM1 juta bagi pembangunan penjaja kecil.

Di Kuala Lumpur pula misalnya, Anwar mengarahkan agar gerai kecil, termasuk medan selera dinaik taraf demi kesejahteraan peniaga dan pembeli.

Tidak cukup dengan itu, Anwar juga masih memedulikan nasib peniaga di Kelantan dengan memperuntukkan RM5.5 juta bagi menambah baik infrastruktur Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu.

Nama Anwar dan Malaysia di pentas antarabangsa juga tidak kurang hebat. Tidak berniat untuk melambung pujian dalam soal ini, tetapi hakikatnya, sudah lama negara ketandusan pemimpin berwujud dan berkarisma di pentas antarabangsa.

Isu kemanusiaan di Palestin, Anwar sentiasa konsisten menyatakan pendirian Malaysia mendesak agar Israel menghentikan kekejaman dan penindasan ke atas penduduk Palestin.

Terbaru, dengan berani Anwar menyinggung isu terkait krisis Palestin ketika menghadiri Kerjasama Asia Pasifik 2024 (APEC 2024) di Lima, Peru ketika tiada satu negara peduli menyuarakan hal berkenaan.

Berbaki kurang tiga tahun pentadbiran Kerajaan Perpaduan, tidak dinafikan masih banyak urusan perlu diselesaikan Anwar.

Generasi muda misalnya, antara golongan perlu diberi keutamaan dalam hal terkait pendidikan, ekonomi dan keseimbangan sosial.

Selain itu, masih wujud ruang besar dalam usaha memberi penerangan mengenai agenda MADANI kepada anak muda khusus untuk memahami falsafah di sebalik enam teras Malaysia MADANI yang sehingga kini tampak belum berjaya digarap sepenuhnya golongan berkenaan.

Sementara itu, Kabinet Anwar perlu lebih bersikap proaktif dan sentiasa bertindak pantas dalam melaksanakan tanggungjawab digalas.

Anwar tidak boleh kelihatan 'one-man show' dan barisan menteri Kabinet lain wajib mengambil tanggungjawab memastikan agenda Malaysia MADANI mencapai sasaran.

Dasar digariskan perlu digerakkan secara bersama demi memastikan rakyat dan negara beroleh manfaat sewajarnya.

Ini bukan masa untuk bermain sentimen politik sempit apatah lagi membabitkan isu kaum, agama dan Raja Melayu (3R).

Tanggungjawab membina negara adalah peranan setiap rakyat dan jika ada pun yang ingin bermain sentimen politik, nasihat penulis tunggu pilihan raya akan datang.

Kini, masa kita berpadu untuk Malaysia! Bak kata pepatah, jangan marahkan nyamuk sampai kelambu pula yang dibakar.



Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH